A

PP

lwn.

DATUK HJ WASLI MOHD SAID

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
KAMARDIN HASHIM H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-115-10-2013]
31 MAC 2014

C

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Penyingkiran peguam - Konflik kepentingan - Kelakuan profesional - Saksi pernah diwakili oleh peguam yang mewakili tertuduh - Tertuduh pernah menjadi saksi utama dalam perbicaraan terhadap saksi - Sama ada pertuduhan terhadap tertuduh dan saksi saling berkait rapat - Maklumat sulit - Sama ada diperolehi*

D

oleh peguam - Sama ada dibuktikan - Sama ada peguam dalam kedudukan bercanggah atau memalukan - Pelantikan peguam - Hak tertuduh - Sama ada dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan - Sama ada terdapat perlanggaran kk. 3, 4 atau 5 Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978

E

Ini adalah permohonan pihak pendakwa raya untuk menyingkir peguam Tan Sri Dato' Seri Dr Muhammad Shafee ('Tan Sri Shafee') dan Tetuan Shafee & Co daripada mewakili tertuduh dalam Perbicaraan Jenayah No. 46-4-2006. Permohonan ini dibuat

F

selaras dengan kk. 3, 4 dan 5 Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978 ('Kaedah'). Asas permohonan ini adalah berdasarkan kepada konflik kepentingan dan hal keadaan khas yang akan membuatkannya sukar bagi mengekalkan kebebasan profesional dalam pelantikan Tan Sri

G

Shafee sebagai peguam yang mewakili tertuduh. Berdasarkan fakta, tertuduh telah dihadapkan dengan dua pertuduhan bagi kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan Tan Sri Shafee telah dilantik oleh tertuduh untuk mewakilinya. Pihak pendakwaan bercadang untuk memanggil Tan Sri Kasitah sebagai salah seorang

H

saksi. Sebelum ini, tertuduh pernah menjadi saksi utama pihak pendakwaan dalam perbicaraan terhadap Tan Sri Kasitah. Dalam perbicaraan tersebut, tertuduh telah disoal balas oleh Tan Sri Shafee yang merupakan peguambela bagi Tan Sri Kasitah. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa soal balas terhadap tertuduh

I

dalam perbicaraan tersebut telah menyentuh pelbagai aspek yang akan membawa kesan ke atas perbicaraan terhadap tertuduh. Juga

dihujahkan, antara lain, bahawa (i) pertuduhan terhadap Tan Sri Kasitah, yang telah pun dibebaskan, adalah berkait rapat dengan pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh; dan (ii) Tan Sri Shafee telah memperolehi maklumat sulit mengenai perbicaraan terhadap tertuduh semasa perbicaraan terhadap Tan Sri Kasitah. Tan Sri Shafee pula berhujah bahawa tiada sebarang keterangan dikemukakan untuk menunjukkan bagaimana keterangan Tan Sri Kasitah akan meletakkan Tan Sri Shafee dalam kedudukan yang bercanggah atau memalukan.

Diputuskan (menolak permohonan pemohon):

(1) Hak seseorang tertuduh untuk mendapat nasihat dan dibela oleh seorang peguambela yang beliau pilih adalah hak yang dijamin di bawah per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Hak tersebut tidak wajar diganggu gugat tanpa sebarang alasan yang kukuh. Ujian yang digunapakai dalam menentukan sama ada terdapat perlanggaran terhadap mana-mana Kaedah adalah secara objektif dengan menggunakan ujian dari pandangan orang awam sama ada keadilan dalam kes itu dapat ditegakkan antara pihak-pihak yang terlibat. (perenggan 21 & 29)

(2) Mahkamah tidak boleh, dengan sewenang-wenangnya, membenarkan permohonan untuk menyingkirkan seseorang peguambela atau peguamcara dari mewakili pihak-pihak dalam sesuatu prosiding melainkan terdapat bukti *prima facie* yang jelas dan alasan yang kukuh untuk berbuat demikian. Beban pembuktian terletak atas pihak pemohon untuk mengemukakan keterangan yang jelas dan kukuh bagi membuktikan bahawa pelantikan Tan Sri Shafee sebagai peguambela bagi tertuduh telah melanggar mana-mana kk. 3, 4 atau 5 Kaedah. (perenggan 29)

(3) Tiada bukti atau keterangan yang jelas secara *prima facie* bahawa fakta-fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan akan menggugat pentadbiran keadilan jenayah dalam kes ini. Pihak pendakwaan tidak menunjukkan apakah maklumat sulit yang berada di tangan Tan Sri Shafee. Perhubungan peribadi yang wujud antara Tan Sri Shafee dan tertuduh mahupun dengan Tan Sri Kasitah tidak dinyatakan. Tambahan pula, tiada keterangan dikemukakan untuk menunjukkan bagaimana tindakan Tan Sri Shafee dalam mewakili tertuduh boleh dipersoalkan atau disangkal. (perenggan 31)

(4) Segala kegusaran yang ditimbulkan adalah berpunca daripada pihak pendakwaan sendiri di mana pihak pendakwaan gagal mengemukakan pertuduhan terhadap tertuduh dan Tan Sri Kasitah untuk dibicarakan secara bersama sedangkan pada asalnya, Tan Sri Shafee adalah peguam utama bagi kedua-dua tertuduh tersebut. Adalah tidak adil bagi tertuduh dinafikan hak untuk dibela oleh seorang peguambela yang pada asalnya bertindak bagi pihak tertuduh dan sekarang dipilih untuk mewakili tertuduh dalam perbicaraan terhadap beliau dalam kes ini. Mahkamah mempunyai pandangan bahawa masyarakat umum tidak berpandangan serong terhadap tindakan Tan Sri Shafee. (perenggan 30 & 31)

Kes-kes yang dirujuk:

Aw Sing Moey & Ors v. Melombong & Perumahan Sdn Bhd [1999] 4 CLJ 721 HC ***(dibezakan)***

Carlingwood Motors Ltd v. Nissan Canada Inc [2001] ACWSJ 676321 ***(dirujuk)***

Datuk Hj Wasli Mohd Said v. PP and Another Case [2006] 6 CLJ 1 HC ***(dirujuk)***

Datuk Seri Anwar Ibrahim v. PP (Mahkamah Rayuan Permohonan Jenayah No: W-05-19-01/2012) ***(dirujuk)***

Ex Parte Vicnandan Maria Dass [2000] 3 CLJ 808 HC ***(dibezakan)***

Kayla Beverly Hills (M) Sdn Bhd & Anor v. Quantum Far East Ltd & Ors; Uma Devi R Balakrishnan (Third Party) [2003] 4 CLJ 587 HC ***(dibezakan)***

Lee Kwang Peng v. PP and Another Appeal [1997] 3 SLR 278 ***(dibezakan)***

Lim Ts-Fei v. Lee Lai Tiam [2011] 1 LNS 685 HC ***(dibezakan)***

Martin v. Gray 77 DLR (4th) 249 ***(dirujuk)***

Messrs Yong & Co v. Wee Hood Teck Development Corp Ltd (1) [1984] 1 CLJ 353; [1984] 1 CLJ (Rep) 251 FC ***(dibezakan)***

Mirza Mohamed Tariq Beg Mirza HH Beg v. Margaret Low Saw Lui & Ors [2009] 4 CLJ 303 CA ***(dirujuk)***

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang v. Tropiland Sdn Bhd [2010] 2 CLJ 1061 HC ***(dirujuk)***

PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim & Anor [2001] 3 CLJ 313 ***(dirujuk)***

PP v. N Vengadasalam & Ors [1990] 1 CLJ 810; [1990] 2 CLJ (Rep) 893 HC ***(dirujuk)***

PP v. Tan Sri Kasitah Gaddam [2009] 1 LNS 741 HC ***(dirujuk)***

Prince Jefri Bolkiah v. KPMG (a firm) [1999] 1 All ER 517 ***(dirujuk)***

PP v. Raymond Chia Kim Chwee & Anor and Another Case [1985] 2 CLJ 457; [1985] CLJ (Rep) 260 FC ***(dirujuk)***

R v. Desmond [2010] OJ No. 2142 ***(dirujuk)***

Rakusen v. Ellis, Munday & Clarke [1912] 1 Ch 831 CA ***(dirujuk)***

Ramalingam Ravinthran v. Attorney-General [2012] 2 SLR 49 ***(dirujuk)***

Rosli Othman v. PP [2001] 3 SLR 587 ***(dibezakan)***
RS Muthiah v. Pembinaan Fiba Sdn Bhd [2004] 2 CLJ 917 HC ***(dibezakan)***
Russell MvVeagh McKenzie Bartleet & Co v. Tower Corporation [1998] 3 NZLR 641 ***(dirujuk)***
Suchy v. Zurich Insurance Co 1998 ACWSJ 662632 ***(dirujuk)***
Sykt Pengangkutan Sakti Sdn Bhd v. Tan Joo Khing [1997] 3 CLJ 754 HC ***(dibezakan)***
The People v. Manuel Ortega Paredes (158 Cal. App. 4th 1516) ***(dirujuk)***
Vijayalakshmi Devi Nadchatiram v. Saraswathy Devi Nadchatiram [2000] 4 CLJ 870 FC ***(dirujuk)***
Wee Choo Keong v. PP [1990] 1 CLJ 1015; [1990] 3 CLJ (Rep) 346 HC ***(dirujuk)***
Wong Kue v. Public Prosecutor [1967] 1 LNS 210 HC ***(dibezakan)***
Wong Poh Ling v. PP [2012] 1 LNS 517 CA ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 51A
Evidence Act 1950, s. 132(2)
Federal Constitution, art. 5(3)
Legal Profession (Practice & Etiquette) Rules 1978, rr. 3, 4, 5

Bagi pihak pendakwaan - Anthony Kevin Morais; TPR
Bagi pihak responden - Muhammad Shafee Md Abdullah (Badrul Munir Bukhari, Sarah Abishegam, Syed Ismat & Al-Firdaus Shahrul bersamanya); T/n Shafee & Co

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

[1] Ini adalah permohonan Pendakwa Raya melalui notis usul bertarikh 29 Oktober 2013 di lampiran 3 untuk menyingkirkan peguam Tan Sri Dato' Seri Dr Muhammad Shafee bin Md Abdullah ("Tan Sri Shafee") dan Tetuan Shafee & Co daripada mewakili Datuk Haji Wasli bin Mohd Said ("tertuduh") di dalam Perbicaraan Jenayah No: 46-4-2006 di Mahkamah Tinggi 3, Kuala Lumpur ("perbicaraan jenayah tersebut"). Permohonan ini dibuat di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah ini dan dibuat selaras dengan kk. 3, 4 dan 5 Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978.

[2] Permohonan pemohon tersebut disokong oleh afidavit sokongan yang telah diikrarkan oleh Anthony Kevin Morais, memperincikan alasan bagi permohonan pemohon. Permohonan ini secara asasnya berdasarkan kepada konflik kepentingan (conflict of interest) dan hal keadaan khas yang akan membuatkan ianya sukar untuk mengekalkan kebebasan profesional di dalam perlantikan Tan Sri Shafee dan Tetuan Shafee & Co sebagai peguam untuk mewakili tertuduh dalam perbicaraan jenayah terhadap tertuduh tersebut.

[3] Untuk permohonan pemohon di sini, pihak-pihak telah memfailkan beberapa afidavit seperti berikut:

(a) Afidavit sokongan yang telah diikrarkan oleh Anthony Kevin Morais bertarikh 28 Oktober 2013, di lampiran 4;

(b) Afidavit pembetulan yang telah diikrarkan oleh Anthony Kevin Morais bertarikh 6 November 2013, di lampiran 9;

(c) Afidavit jawapan yang telah diikrarkan oleh Muhammad Shafee bin Md Abdullah bertarikh 4 Disember 2013, di lampiran 20;

(d) Afidavit tambahan yang telah diikrarkan oleh Datuk Haji Wasli bin Mohd Said bertarikh 6 Disember 2013, di lampiran 21;

(e) Afidavit jawapan pemohon yang telah diikrarkan oleh Anthony Kevin Morais bertarikh 12 Disember 2013, bagi menjawab lampiran 20, di lampiran 22;

(f) Afidavit tambahan yang telah diikrarkan oleh Tan Sri Kasitah bin Gaddam bertarikh 8 Januari 2014, di lampiran 23;

(g) Afidavit jawapan pemohon yang telah diikrarkan oleh Anthony Kevin Morais bertarikh 20 Januari 2014, bagi menjawab lampiran 23, di lampiran 24; dan

(h) Afidavit jawapan pemohon yang telah diikrarkan oleh Anthony Kevin Morais bertarikh 20 Januari 2014, bagi menjawab lampiran 21, di lampiran 25.

[4] Pihak-pihak juga telah memfailkan hujahan bertulis sebelum tarikh pendengaran sebagaimana yang diarahkan semasa pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar. Saya telah mendengar hujahan lisan pihak-pihak pada 15 Februari 2014. Pihak-pihak memohon untuk memfailkan hujahan bertulis

selanjutnya dan telah diluluskan. Tarikh penjelasan dan keputusan telah ditetapkan pada 31 Mac 2014, selepas pihak-pihak memfailkan hujahan bertulis lanjutan masing-masing. Pada 31 Mac 2014, saya telah menolak permohonan pemohon dalam notis usul di lampiran 3 dengan alasan permohonan pemohon tersebut tidak mempunyai sebarang asas dan tidak bermerit. Pemohon sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah penolakan tersebut.

[5] Sedikit mengenai latarbelakang fakta kes ini. Pada 9 Februari 2006, tertuduh telah dihadapkan dengan dua pertuduhan bagi kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1961. Butir-butir bagi dua pertuduhan tersebut adalah dibaca seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 22 Oktober 1996 jam di antara 10.20 pagi hingga 10.30 pagi bertempat di Hotel Fairlane di Jalan Walter Grenier, 55100, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, secara rasuah telah menawarkan satu suapan wang sebanyak RM500,000.00 kepada John Liaw Chee Shing, seorang penjawat awam, iaitu Ahli Lembaga Pengarah Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS), sebagai dorongan untuk John Liaw Chee Shing menyokong meluluskan pembelian saham Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah dalam Sapi Plantations Sdn Bhd oleh Syarikat Briskmark Enterprise Sdn Bhd dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah Ke 3/96 dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 3(b)(ii) Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan boleh dihukum di bawah seksyen 3 Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 22 Oktober 1996 jam di antara 9.40 pagi hingga 10.20 pagi bertempat di Hotel Fairlane di Jalan Walter Grenier, 55100, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, secara rasuah telah menawarkan satu suapan iaitu wang tunai sebanyak RM500,000.00 kepada John Michael Emban, seorang penjawat awam, iaitu Ahli Lembaga Pengarah Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS), sebagai dorongan untuk Michael Emban bersetuju dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah Ke 3/96 dengan cadangan penjualan saham Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah dalam Sapi Plantations Sdn Bhd kepada Syarikat Briskmark Enterprise Sdn Bhd dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 3(b)(ii) Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan boleh dihukum di bawah seksyen 3 Akta yang sama.

[6] Perbicaraan terhadap tertuduh telah dimulakan oleh YA Dato' Mohamad Zabidin bin Mohd Diah di Mahkamah Tinggi 3 di mana seramai tujuh orang saksi telah selesai memberi keterangan bagi pihak kes pendakwaan. Sehingga peringkat itu, tertuduh telah diwakili oleh peguambela Encik Ragbir Singh dari firma guaman Tetuan Sugumar & Co di Kota Kinabalu. Pihak pendakwaan bercadang untuk memanggil beberapa orang saksi lain sebelum dapat menutup kes pendakwaan. Antara lain, Tan Sri Kasitah bin Gaddam turut akan dipanggil sebagai salah seorang saksi dalam perbicaraan terhadap tertuduh.

[7] Pada peringkat perbicaraan seterusnya dan pada peringkat rayuan mengenai isu berkaitan implikasi di bawah s. 132(2) Akta Keterangan 1950 di Mahkamah Rayuan dan di Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Shafee telah dilantik oleh tertuduh untuk bertindak sebagai peguambela bagi mewakili tertuduh.

[8] Tertuduh pernah menjadi saksi utama pihak pendakwaan (saksi SP30) dalam perbicaraan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam sebelum ini. Tuan TPR menyatakan dua pertuduhan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam adalah saling berkait rapat dengan dua pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh di dalam kes di hadapan mahkamah sekarang. Dua pertuduhan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam adalah seperti berikut:

> Pertuduhan Pertama
>
> Bahawa kamu pada 22 Oktober 1996 di Bilik Mesyuarat Forum, Fairlane Hotel di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai seorang penjawat awam, iaitu Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS), telah melakukan perbuatan rasuah dengan menggunakan kedudukan kamu sebagai Pengerusi LKTNS untuk faedah kewangan kamu, iaitu kamu telah mengambil bahagian dalam membuat keputusan meluluskan cadangan penjualan 16.8 juta saham LKTNS di dalam SAPI Plantations Sdn Bhd kepada Syarikat Briskmark Enterprise Sdn Bhd yang mana kamu telah dijanjikan oleh Datuk Wasli Bin Mohd Said sejumlah 3.36 juta saham dalam SAPI Plantations Sdn Bhd tersebut; dan dengan demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat Tahun 1970.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 22 Oktober 1996 di Bilik Mesyuarat Forum, Fairlane Hotel di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menipu ahli-ahli mesyuarat Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) iaitu dengan secara curangnya menyembunyikan tawaran PPB Sdn Bhd yang kamu ketahui pada 13hb September 1996, yang telah memperuntukkan 5 saham PPB Oil Palms Sdn Bhd bagi 1 saham SAPI Plantations Sdn Bhd di dalam cadangan PPB Oil Palms Sdn Bhd untuk disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur, dan dengan itu telah dengan senghaja mendorong ahli-ahli mesyuarat LKTNS untuk meluluskan penjualan 16.8 juta saham LKTNS di dalam SAPI Plantations Sdn Bhd kepada Syarikat Briskmark Enterprise Sdn Bhd yang mana sekiranya mereka diberitahu mengenai tawaran itu, mereka tidak akan meluluskan penjualan saham tersebut; dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 417 Kanun Keseksaan.

[9] Tan Sri Kasitah bin Gaddam telah dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas kedua-dua pertuduhan tersebut. Tidak ada sebarang rayuan difailkan oleh pihak pendakwaan terhadap perintah pembebasan tersebut (lihat *PP v. Tan Sri Kasitah Gaddam* [2009] 1 LNS 741; [2009] 6 MLJ 494 penghakiman oleh YA Suraya Othman H).

[10] Peranan tertuduh telah disebut secara ketara di dalam pertuduhan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam. Tertuduh telah disoal-balas oleh peguambela Tan Sri Kasitah bin Gaddam pada ketika itu iaitu Tan Sri Shafee. Pihak pendakwaan mendakwa bahawa soal-balas terhadap tertuduh dalam perbicaraan tersebut telah menyentuh secara mendalam pelbagai aspek kes tersebut yang akan mempunyai impak di dalam perbicaraan terhadap tertuduh dalam kes sekarang. Oleh yang demikian pihak pendakwaan menyatakan perasaan tidak senang (discomfort) di dalam perbicaraan terhadap tertuduh sekarang apabila Tan Sri Shafee dilantik sebagai peguambela kepada tertuduh pada peringkat ini, terutama pada peringkat soal-balas saksi Tan Sri Kasitah bin Gaddam.

[11] Pihak pendakwaan juga mendakwa bahawa Tan Sri Shafee telah memperolehi maklumat sulit (confidential information) mengenai perbicaraan terhadap tertuduh semasa perbicaraan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam. Maklumat sulit tersebut mungkin akan digunakan oleh Tan Sri Shafee semasa soal-balas

terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam semasa saksi dipanggil untuk memberi keterangan dalam perbicaraan terhadap tertuduh. Disebabkan wujud pertalian antara perbicaraan terhadap tertuduh dengan perbicaraan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam, pihak pendakwaan yakin kemungkinan itu akan menjadi sesuatu kemungkinan yang nyata akan berlaku (real possibility).

[12] Selain dari itu, pihak pendakwaan percaya akan berlaku satu pakatan sulit (collusion) di antara saksi pendakwaan iaitu Tan Sri Kasitah bin Gaddam dengan pihak pembelaan dalam perbicaraan terhadap tertuduh. Ini dihujahkan oleh TPR terpelajar bahawa ianya akan memberi kesan kepada integriti perbicaraan dan pentadbiran keadilan. Tuan TPR berhujah lanjut bahawa pentadbiran keadilan hendaklah dilihat dalam konteks dari sudut pihak pendakwaan dan bukan sahaja bagi pihak tertuduh atau bagi pihak Tan Sri Kasitah bin Gaddam semata-mata.

[13] Tuan TPR yang bijaksana telah berpegang kepada nas-nas berikut dalam hujahan beliau:

(a) *Aw Sing Moey & Ors v. Melombong & Perumahan Sdn Bhd* [1999] 4 CLJ 721;

(b) *Lim Ts-Fei v. Lee Lai Tiam* [2011] 1 LNS 685; [2011] 6 MLJ 613;

(c) *Messrs Yong & Co v. Wee Hood Teck Development Corp Ltd (1)* [1984] 1 CLJ 353; [1984] 1 CLJ (Rep) 251; [1984] 2 MLJ 39;

(d) *Ex Parte Vicnandan Maria Dass* [2000] 3 CLJ 808; [2000] MLJU 360;

(e) *Kayla Beverly Hills (M) Sdn Bhd & Anor v. Quantum Far East Ltd & Ors; Uma Devi R Balakrishnan (Third Party)* [2003] 4 CLJ 587; [2003] 6 MLJ 703;

(f) *RS Muthiah v. Pembinaan Fiba Sdn Bhd* [2004] 2 CLJ 917; [2004] 4 MLJ 78;

(g) *Rosli Bin Othman v. PP* [2001] 3 SLR 587;

(h) *Lee Kwang Peng v. PP and Another Appeal* [1997] 3 SLR 278;

(i) *PP v. N Vengadasalam & Ors* [1990] 1 CLJ 810; [1990] 2 CLJ (Rep) 893; [1990] 1 MLJ 507;

(j) *Wong Kue v. Public Prosecutor* [1967] 1 LNS 210; [1967] 2 MLJ 97;

(k) *Wong Poh Ling v. PP* [2012] 1 LNS 517; [2012] MLJU 613;

(l) *Sykt Pengangkutan Sakti Sdn Bhd v. Tan Joo Khing t/a Bengkel Sen Tak* [1997] 3 CLJ 754; [1997] 5 MLJ 705; dan

(m) *Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang v. Tropiland Sdn Bhd* [2010] 2 CLJ 1061; [2009] MLJU 120.

[14] Tuan TPR, dalam hujahan balasnya, turut merujuk kepada beberapa nas dari bidang kuasa luar negara, seperti berikut, sebagai panduan yang persuasif:

(a) *Carlingwood Motors Ltd v. Nissan Canada Inc* [2001] ACWSJ 676321;

(b) *Martin v. Gray* 77 DLR (4th) 249;

(c) *Russell MvVeagh McKenzie Bartleet & Co v. Tower Corporation* [1998] 3 NZLR 641; dan

(d) *Suchy v. Zurich Insurance Co* 1998 ACWSJ 662632.

[15] Tan Sri Shafee dalam afidavit jawapan di lampiran 20, membantah dengan keras permohonan pihak pemohon melalui pengataan-pengataan berikut. Sejak daripada awal lagi apabila pertuduhan-pertuduhan dihadapkan kepada tertuduh dan Tan Sri Kasitah bin Gaddam di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu dan juga di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Tan Sri Shafee telah terlibat sebagai kaunsel untuk kedua-dua tertuduh tersebut. Pihak pendakwaan telah memohon supaya semua pertuduhan terhadap mereka dibicarakan secara bersama di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur namun tidak diluluskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (lihat *Datuk Hj Wasli Mohd Said v. PP and Another Case* [2006] 6 CLJ 1; [2006] 5 MLJ 172, keputusan oleh Abdull Hamid Embong H). Seterusnya pihak pendakwaan terpaksa meneruskan perbicaraan secara berasingan terhadap tertuduh dan Tan Sri Kasitah bin Gaddam. Pertuduhan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam telah diteruskan terlebih dahulu. Selepas Tan Sri Kasitah bin Gaddam dibebaskan, baharulah perbicaraan terhadap tertuduh dimulakan.

[16] Tan Sri Shafee juga menyatakan bahawa tertuduh telah menjadi saksi dalam perbicaraan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam di mana tertuduh telah dijanjikan oleh pihak pendakwaan imuniti di bawah s. 132 AK iaitu sekiranya tertuduh memberikan keterangan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam, semua pertuduhan terhadap tertuduh akan digugurkan. Walau bagaimanapun setelah Tan Sri Kasitah bin Gaddam dibebaskan daripada pertuduhan, pertuduhan-pertuduhan terhadap tertuduh masih diteruskan. Oleh kerana Tan Sri Shafee telah dari awal bertindak sebagai peguam utama untuk kedua-dua tertuduh, maka tidak wajar sekarang permohonan pemohon untuk menyingkirkan Tan Sri Shafee sebagai peguam bagi tertuduh dalam kes ini. Tan Sri Shafee turut mewakili tertuduh dalam prosiding berkaitan dengan pemakaian s. 132 AK dan tidak ada sebarang bantahan dari pihak pendakwaan. Dihujahkan bantahan pihak pendakwaan pada peringkat ini adalah tidak munasabah, satu pemikiran terkemudian dan pihak pendakwaan hendaklah diestop dari meneruskan dengan permohonan mereka.

[17] Tan Sri Shafee seterusnya berhujah bahawa tertuduh mahu beliau bertindak sebagai peguambela tertuduh dan Tan Sri Kasitah bin Gaddam tidak mempunyai sebarang bantahan untuk beliau mewakili tertuduh dalam kes ini sebagaimana yang diikrarkan dalam afidavit di lampiran 23. Pihak pemohon juga dikatakan telah gagal untuk menunjukkan sebarang tanda-tanda bahawa prejudis telah diakibatkan kepada pihak pendakwaan semasa prosiding di bawah s. 132 AK. Perasaan tidak senang yang disuarakan oleh pendakwaan hanyalah satu khayalan semata-mata dan permainan imaginasi mereka sahaja. Tiada ditunjukkan bagaimanakah keterangan Tan Sri Kasitah bin Gaddam dalam perbicaraan terhadap tertuduh akan meletakkan Tan Sri Shafee dalam kedudukan yang bercanggah atau memalukan. Tiada apa-apa dalam keterangan saksi itu yang akan memprejudiskan tertuduh atau yang boleh mendedahkan sebarang percanggahan kepentingan bagi Tan Sri Shafee mewakili tertuduh dalam kes ini.

[18] Segala dokumen berkenaan yang akan digunakan dalam pendakwaan terhadap tertuduh bukanlah lagi dokumen terkelas atau sulit oleh kerana dokumen-dokumen tersebut telah dikemukakan kepada peguambela di bawah s. 51A Kanun Acara Jenayah ("KAJ"). Oleh itu dihujahkan tiada terdapat sebarang rahsia lagi dalam pembelaan tertuduh atau dalam pendakwaan

terhadap tertuduh. Apakah maklumat rahsia atau sulit yang telah diperolehi semasa menyoal-balas tertuduh semasa perbicaraan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam juga tidak dinyatakan secara spesifik oleh pihak pemohon. Akhirnya, Tan Sri Shafee berhujah tiada percanggahan dalam perlantikan beliau dengan mana-mana Kaedah di bawah Kaedah-Kaedah Profession Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978.

[19] Tan Sri Shafee merujuk kepada nas-nas berikut bagi menyokong hujahan beliau:

(a) *PP v. N Vengadasalam & Ors* [1990] 1 CLJ 80; [1990] 2 CLJ (Rep) 893; [1990] 1 MLJ 507;

(b) *Datuk Seri Anwar Bin Ibrahim v. PP* (Mahkamah Rayuan Permohonan Jenayah No: W-05-19-01/2012);

(c) *Mirza Mohamed Tariq Beg Mirza HH Beg v. Margaret Low Saw Lui & Ors* [2009] 4 CLJ 303; [2009] 4 MLJ 671;

(d) *R v. Desmond* [2010] O.J No. 2142;

(e) *Wee Choo Keong v. PP* [1990] 1 CLJ 1015; [1990] 3 CLJ (Rep) 346; [1990] 2 MLJ 239;

(f) *The People v. Manuel Ortega Paredes* (158 Cal. App. 4th 1516);

(g) *PP v. Tan Sri Kasitah Gaddam* [2009] 1 LNS 741; [2009] 6 MLJ 494;

(h) *Datuk Hj Wasli Mohd Said v. PP and Another Case* [2006] 6 CLJ 1; [2006] 5 MLJ 172;

(i) *Ramalingam Ravinthran v. Attorney-General* [2012] 2 SLR 49;

(j) *Prince Jefri Bolkiah v. KPMG (a firm)* [1999] 1 All ER 517;

(k) *Rakusen v. Ellis, Munday & Clarke* [1912] 1 Ch. 831 CA;

(l) *Vijayalakshmi Devi Nadchatiram v. Saraswathy Devi Nadchatiram* [2000] 4 CLJ 870;

(m) *PP v. Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim & Anor* [2001] 3 CLJ 313; [2001] 3 MLJ 193; dan

A (n) *Public Prosecutor v. Raymond Chia Kim Chwee & Anor and Another Case* [1985] 2 CLJ 457; [1985] CLJ (Rep) 260; [1985] 2 MLJ 436.

[20] Kaedah-kaedah 3, 4 dan 5 Kaedah-Kaedah Profession
B Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978 yang dirujuk dan menjadi asas kepada permohonan pemohon dalam permohonan ini menyebutkan seperti berikut:

3. Advocate and solicitor not to accept brief if embarrassed

C (a) An advocate and solicitor shall not accept a brief if he is or would be embarrassed.

(b) An embarrassment arises:

(i) where the advocate and solicitor finds he is in
D possession of confidential information as a result of having previously advised another person in regard to the same matter;

(ii) where there is some personal relationship between him and a party or a witness in the proceedings.

E

4. No advocate and solicitor to accept brief if professional conduct likely to be impugned

No advocate and solicitor shall accept a brief in a case where he knows or has reason to believe that his own
F professional conduct is likely to be impugned.

5. No advocate and solicitor to accept brief if difficult to maintain professional independence

(a) No advocate and solicitor shall accept a brief if such
G acceptance renders or would render it difficult for him to maintain his professional independence or is incompatible with the interest of the administration of justice.

(b)(i) An advocate and solicitor who has at any time advised or drawn pleading or acted for a party in connection with
H the institution or prosecution or defence of any suit, appeal or other proceedings shall not act, appear or plead for the opposite party in that suit, appeal or other proceedings.

I (b)(ii) An advocate and solicitor shall not act unless the consent of the first party for whom the advocate and solicitor acted is obtained in writing and the advocate and solicitor is not embarrassed by so acting.

[21] Hak seseorang tertuduh untuk mendapat nasihat dan dibela oleh seorang peguambela yang beliau pilih adalah hak yang dijamin di bawah per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Hak tersebut tidak wajar diganggu-gugat tanpa sebarang alasan yang kukuh. Perkara 5(3) memperuntukkan:

> (3) Where a person is arrested he shall be informed as soon as may be of the grounds of his arrest and shall be allowed to consult and be defended by a legal practitioner of his choice.

[22] Dalam kes *PP v. N Vengadasalam & Ors* (*supra*), pihak pendakwaan membantah peguambela SP Annamalai bertindak sebagai peguambela bagi tiga orang tertuduh atas alasan peguambela tersebut juga merupakan salah seorang saksi bagi kes pihak pendakwaan. YA Hakim Lim Beng Choon membenarkan bantahan pihak pendakwaan oleh kerana terdapat alasan kukuh bagi menghalang peguambela tersebut daripada mewakili tiga tertuduh dalam kes tersebut. Dalam menyampaikan keputusannya, YA Hakim itu menyatakan:

> But the courts are always slow to interfere with the right which a party has to be represented by counsel of his choice and a strong case must be made out before an order restraining the selected counsel from acting in a particular case will be made.

[23] Dalam kes *Datuk Seri Anwar bin Ibrahim* (*supra*), Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan untuk menyingkirkan Tan Sri Shafee daripada mewakili pihak pendakwaan atas alasan pihak pemohon gagal untuk membuktikan secara jelas dan kukuh bahawa terdapat perlanggaran terhadap mana-mana Kaedah di bawah Kaedah-Kaedah Profession Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978. YA Hakim Aziah Ali HMR dalam menyampaikan keputusan, memutuskan seperti berikut:

> [8] The applicant bears the burden to establish with specificity a violation of one or more of the Rules, and mere allegation of unethical conduct or evidence showing a remote possibility of violation of the Rules will not suffice.
>
> …
>
> [23] Before we conclude, it must be emphasized that to disqualify a counsel is a drastic measure which should not be allowed willy-nilly, unless substantiated by cogent and clear evidence. We find this application bereft of any evidence.

[24] Dalam kes *Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang v. Tropiland Sdn Bhd* (*supra*) yang dirujuk oleh Tuan TPR, YA Hakim Balia Yusof Wahi (sekarang HMR) membenarkan peguam RK Nathan disingkirkan dari mewakili pihak defendan dalam kes itu memandangkan RK Nathan semasa berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pernah beberapa kali mendengar dan memutuskan pertikaian antara pihak-pihak yang sama atas alasan melanggar k. 5(a). YA Hakim menyatakan seperti berikut:

> I am however very much persuaded by the arguments and the submissions of the learned counsel for the plaintiff in that, seen in the light of the provisions of rule 5(a) of the Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978, whether the conduct of the case by Dato' RK Nathan would be incompatible with the best interest of the administration of justice. What is "incompatible with the best interest of the administration of justice" is a question of fact to be decided on the merits of each case. Speaking of the conflict, the objective test to be applied is not whether there is actual conflict but that there be no appearance of conflict. It has also been said that it is the appearance of fairness in the eyes of the public that is fundamentally important.

[25] Dalam kes *Mirza Mohamed* (*supra*), YA Hakim Raus Sharif (sekarang PMR) dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

> [24] In conclusion, I am of the view that a strong case must be made out before preventing counsel from acting in a particular case on the ground of conflict of interest. The onus of proof lies on the party alleging the conflict. In this case, I find that the onus has not been discharged by the second and third defendants. There is insufficient evidence to justify denying MRZ the right to represent the plaintiff at this stage of the proceeding.

[26] Dalam kes *Aw Sing Moey & Ors* (*supra*) yang dirujuk oleh Tuan TPR yang bijaksana boleh dibezakan faktanya dengan kes di hadapan mahkamah ini sekarang. Dalam kes itu, peguambela yang hendak disingkirkan pernah dilantik oleh kedua-dua pihak sebelumnya dan sekarang dilantik untuk mewakili satu pihak dalam kes yang sama melibatkan dua pihak yang sama. Keadaan fakta yang khas tersebut dikatakan oleh YA Hakim RK Nathan akan menimbulkan keadaan di mana peguam dan firma guaman yang berkenaan "would render it difficult for him and his firm to maintain a professional independence and project a course of conduct compatible with the best interest of the administration of justice".

[27] Fakta dalam kes *Lim Ts-Fei* (*supra*) juga jauh berbeza dengan fakta dalam kes kita. Dalam kes itu seorang peguambela telah bertindak untuk penjual dan juga pembeli dalam transaksi jual-beli empat bidang tanah antara pihak-pihak yang sama. Peguambela turut memasukkan kaveat persendirian atas empat bidang tanah tersebut bagi pihak pembeli. Jelas wujud kedudukan konflik dalam kes itu. Begitu juga fakta yang hampir sama dalam kes *Ex Parte Vicnandan Maria Dass* (*supra*) yang dirujuk oleh Tuan TPR di mana seorang peguambela telah bertindak bagi kedua-dua pihak pembeli dan juga penjual tanah serta bertindak bagi pihak pentadbir pesaka. YA Hakim Hishamudin Yunus (sekarang HMR) telah menyatakan pandangan berikut:

> In my view, in the circumstances of the present case, Encik Krishnan, with respect, should not have accepted the brief from the applicant/vendor. For, as he is also the solicitor for the purchaser, it would be difficult for Encik Krishnan, in the present application before me, to maintain his professional independence in representing the applicant/vendor.

[28] Fakta yang terdapat dalam lain-lain kes yang dirujuk oleh Tuan TPR terutama dalam kes *Yong & Co* (supra), *Kayla Beverly Hills* (*supra*), *RS Muthiah* (*supra*), *Rosli Bin Othman* (*supra*), *Lee Kwang Peng* (*supra*), *Wong Kue* (*supra*), *Wong Poh Ling* (*supra*), *Sykt Pengangkutan Sakti* (*supra*) serta beberapa kes luar bidang kuasa negara ini, dengan segala hormatnya, sama ada mempunyai fakta-fakta yang berbeza dan/atau tidak berkaitan dengan isu yang timbul dalam kes sekarang di hadapan mahkamah ini. Mahkamah ini tidak dapat untuk berpegang kepada keputusan-keputusan di dalam kes-kes tersebut.

[29] Daripada nas-nas yang telah dirujuk oleh pihak-pihak, mahkamah ini dapat membuat rumusan bahawa:

(i) Mahkamah hendaklah tidak dengan sewenang-wenangnya membenarkan permohonan untuk menyingkirkan seseorang peguambela atau peguamcara dari mewakili pihak-pihak dalam sesuatu prosiding melainkan terdapat bukti *prima facie* yang secara jelas dan alasan yang kukuh untuk berbuat demikian;

(ii) Beban pembuktian terletak atas pihak pemohon untuk mengemukakan keterangan yang jelas dan kukuh bagi membuktikan dengan perlantikan Tan Sri Shafee sebagai peguambela baru bagi tertuduh telah melanggari mana-mana k. 3, 4 atau 5 di bawah Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978;

(iii) Sama ada terdapat perlanggaran terhadap mana-mana kaedah tersebut adalah bergantung kepada fakta dan keadaan di dalam sesebuah kes;

(iv) Ujian yang digunapakai dalam menentukan sama ada perlanggaran terhadap mana-mana kaedah adalah secara objektif dengan menggunakan ujian dari pandangan orang awam sama ada keadilan dalam sesebuah kes itu dapat ditegakkan di antara pihak-pihak yang terlibat.

[30] Fakta dalam kes terhadap tertuduh yang menjadi asas kepada ketidakselesaan Tuan TPR apabila Tan Sri Shafee dilantik menjadi peguambela kepada tertuduh adalah bahawa tertuduh pernah menjadi saksi dalam kes terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam, bahawa pertuduhan terhadap tertuduh saling kait-mengait dengan pertuduhan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam, bahawa Tan Sri Kasitah bin Gaddam akan menjadi saksi dalam perbicaraan terhadap tertuduh, bahawa Tan Sri Shafee merupakan peguambela bagi pihak Tan Sri Kasitah bin Gaddam dan bahawa Tan Sri Shafee sekarang akan menjadi peguambela bagi pihak tertuduh pula. Segala kegusaran yang ditimbulkan oleh Tuan TPR berpunca daripada keadaan yang ditimbulkan oleh pihak pendakwaan sendiri. Ini berpunca daripada tindakan pihak pendakwaan gagal mengemukakan dua pertuduhan terhadap tertuduh dan dua pertuduhan terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam untuk dibicarakan secara bersama sedangkan pada asalnya Tan Sri Shafee adalah peguam utama bagi kedua-dua tertuduh tersebut. Adalah tidak adil kepada tertuduh untuk dinafikan hak untuk dibela oleh seorang peguambela yang asalnya bertindak bagi pihak tertuduh dan sekarang dipilih untuk mewakili tertuduh dalam perbicaraan terhadap beliau dalam kes ini.

[31] Berdasarkan kepada fakta-fakta yang diasaskan oleh Tuan TPR dalam permohonan untuk menyingkirkan Tan Sri Shafee, saya berpandangan ianya tidak memadai untuk membenarkan permohonan pihak pemohon dalam kes ini. Tiada bukti atau keterangan yang jelas secara *prima facie* bahawa fakta-fakta tersebut akan menggugat pentadbiran keadilan jenayah dalam kes ini. Fakta-fakta itu tidak dengan sendirinya menjadikan kes pihak pendakwaan tergugat atau maksud keadilan tidak akan tercapai. Pihak pendakwaan tidak menunjukkan apakah maklumat sulit yang berada di tangan Tan Sri Shafee. Tidak dinyatakan apakah

perhubungan peribadi yang wujud antara Tan Sri Shafee dengan tertuduh mahupun dengan Tan Sri Kasitah bin Gaddam. Kegusaran pihak pendakwaan hanyalah satu yang ilusi dan tidak berpijak atas bumi yang nyata. Tiada juga keterangan bagaimanakah tindakan Tan Sri Shafee dalam mewakili tertuduh dalam kes ini boleh dipersoalkan atau disangkal. Tidak juga pada bila-bila masa dalam kes ini atau kes terhadap Tan Sri Kasitah bin Gaddam, Tan Sri Shafee bertindak bagi pihak pendakwaan. Dengan bertindak sebagai peguambela bagi tertuduh, mahkamah ini mempunyai pandangan bahawa masyarakat umum tidak berpandangan serong terhadap tindakan peguambela terpelajar tersebut. Adalah sesuatu yang biasa bagi seseorang peguambela bertindak sebagai peguambela dalam dua kes yang berbeza bagi tertuduh-tertuduh yang berbeza sama ada di dalam satu perbicaraan mahupun dalam perbicaraan-perbicaraan yang berlainan walaupun melibatkan saksi-saksi yang sama atau saksi-saksi yang berlainan. Kelakuan professional peguambela itu tidak akan tercalar memandangkan perbicaraan dikawal oleh undang-undang dan prosedur yang telah ditetapkan.

[32] Setelah meneliti permohonan pemohon dalam notis usul, kertas kausa dan meneliti hujahan pihak-pihak, dan atas alasan-alasan tersebut di atas, saya berpuas hati dan mendapati bahawa permohonan pemohon untuk menyingkirkan Tan Sri Shafee dan Tetuan Shafee & Co sebagai peguambela tertuduh adalah tidak mempunyai asas yang kukuh serta tidak bermerit. Oleh itu, saya menolak permohonan pemohon dalam notis usul tersebut.